

年中考试



优学教育分享

UPSA 2025

学校试卷（五年级）

SET 1

- 国文/华文/英文/数学/科学/历史
- 总共 6 份各校试卷
- 备有完整答案



FB PAGE: 优学教育分享

WEBSITE : www.youxue.com.my

CONTACT NUMBER: 013-482 0523

**Ujian Pertengahan Sesi Akademik 2025
Bahasa Melayu Tahun 5 [Selangor]**

Nama : _____ () Keputusan : _____ %
Kelas : 5 () T/tangan Ibu : _____
Bapa : _____

**Bahagian A
[10 markah]**

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Inspektor Bala bertugas di _____.
 - A. Restoran Azizi
 - B. Pasar Raya Giant
 - C. Balai Polis Sentul
 - D. Sekolah Menengah Teknik

2. "_____ hendak membantu ayah membasuh kereta ayah," kata Daniel dan Danish kepada Encik Devan.
 - A. Kita
 - B. Kami
 - C. Kamu
 - D. Kalian

Soalan 3

3. Pilih ayat yang **betul**.
- A. Buah delima itu mahu tua untuk dipetik.
 - B. Pemandu bas itu sudah berhenti untuk makan di Rawang nanti.
 - C. Dia masih menghabiskan kerja-kerja itu dalam tempoh yang ditetapkan.
 - D. Kami pernah bermalam di dusun datuk ketika musim durian yang lepas.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bersempena dengan kejayaan saya dalam peperiksaan, ibu dan ayah membawa saya berkunjung ke Zoo Melaka. Kami bertolak ke sana pada pukul 10.00 pagi dan tiba di zoo pada pukul 12.00 tengah hari. Sebelum masuk ke dalam zoo, ayah membeli tiket di kaunter tiket.

Ayah berpesan supaya tidak berbuat bising semasa di zoo. Kami juga tidak boleh memberikan makanan kepada haiwan sesuka hati dan tidak membuang sampah di merata-rata tempat. Saya dapat melihat pelbagai jenis haiwan seperti harimau, zirafah, monyet, burung, kuda dan sebagainya. Saya berasa sangat gembira. Sebelum pulang, kami mengambil gambar sebagai kenang-kenangan.

4. Mengapakah ayah dan ibu membawa "saya" ke Zoo Melaka?
- A. Mengisi masa lapang
 - B. Menambahkan ilmu pengetahuan tentang haiwan liar
 - C. Menemani ayah dan ibu lihat haiwan di Zoo Melaka
 - D. Bersempena dengan kejayaan "saya" dalam peperiksaan

6. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A. Ayah membeli tiket zoo secara dalam talian.
 - B. "Saya" berpeluang memberi haiwan makanan.
 - C. Mereka tiba di Zoo Melaka pada pukul 10.00 pagi.
 - D. "Saya" dan keluarga mengambil gambar sebagai kenang-kenangan.
7. Berikut ialah pesanan ayah berdasarkan petikan, **kecuali**
- A. tidak berbuat bising semasa di zoo.
 - B. tidak boleh menyentuh haiwan tanpa kebenaran.
 - C. tidak membuang sampah di merata-rata tempat.
 - D. tidak dibenarkan memberikan makanan kepada haiwan.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Pameran buku telah diadakan di Subang Jaya pada hujung minggu yang lalu. Pelbagai jenis buku dipamerkan termasuk buku ilmiah, buku cerita, dan buku rujukan untuk murid-murid sekolah. Antara faedah menghadiri pameran buku itu ialah pengunjung dapat membeli buku dengan harga diskaun, dapat menambah ilmu pengetahuan dan meluaskan kosa kata baharu murid-murid. Selain itu, pameran itu juga memberi peluang kepada pengunjung untuk berjumpa dengan penulis buku yang terkenal. Pengunjung yang *bertuah* akan mendapat hadiah yang disediakan.

Bahan 2

PAMERAN BUKU TERKINI BAHARU DAN MENARIK

Tarikh : 1-3 Jun 2025

Masa : 10.00 pagi - 5.00 petang

Tempat : Perpustakaan Awam Subang Jaya

Orang ramai dijemput hadir!

Hadiah menarik menanti
pengunjung yang *bertuah*!

Jom beramai-ramai
berkunjung ke sini!



7. Tujuan utama pameran buku ini diadakan adalah untuk
- A. mengisi masa lapang.
 - B. dapat meningkatkan ilmu pengetahuan.
 - C. menggalakkan murid menyertai pertandingan.
 - D. memberikan hadiah kepada pengunjung bertuah.
8. Pelbagai jenis buku dipamerkan termasuk buku ilmiah, buku cerita, dan buku rujukan untuk murid-murid sekolah.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A. buah.
 - B. batang.
 - C. keping.
 - D. tandan.
9. Perkataan *bertuah* dalam petikan boleh digantikan dengan perkataan
- A. bernasib baik.
 - B. beroleh hasil.
 - C. berfaedah.
 - D. berjaya.
10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A. Hadiah disediakan untuk ulat buku sahaja.
 - B. Pameran buku baharu akan diadakan untuk masyarakat Subang Jaya.
 - C. Rosidin ingin mendaftar sebagai ahli baharu di Perpustakaan Awam.
 - D. Orang ramai perlu datang pada pukul 8.00 pagi untuk menyaksikan pameran.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Puan Aminah ialah seorang suri rumah yang tinggal di kawasan perumahan Taman Bahagia. Setiap petang, dia akan duduk di taman sambil berborak dengan jiran-jirannya dengan gembira. Puan Aminah terkenal dengan sikapnya yang peramah dan baik hati. Setiap kali perayaan, ramai jiran akan berkunjung ke rumahnya kerana dia sentiasa menyambut para tetamu dengan senyuman.

Selain itu, Puan Aminah juga sangat aktif dalam aktiviti gotong-royong di kawasan perumahan kami. Dia suka membantu dan memastikan setiap kerja dilakukan dengan lancar. Kehadirannya sering membuatkan suasana menjadi ceria dan semua orang menghargai kebajikannya.

- a. Puan Aminah ialah seorang suri rumah yang tinggal di kawasan perumahan _____.

[1 markah]

- b. Mengapakah Puan Aminah disukai oleh jiran-jirannya?
- _____
- _____

[2 markah]

- c. Gariskan satu kata nama khas yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Puan Aminah terkenal dengan sikapnya yang peramah dan baik hati.

[1 markah]

- d. Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Setiap petang, dia akan duduk di taman sambil berborak dengan jiran-jirannya dengan gembira.

Dia akan duduk di taman dengan gembira sambil setiap petang berborak dengan jiran-jirannya.	
Dia akan duduk di taman sambil berborak dengan jiran-jirannya dengan gembira pada setiap petang.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Kamu ingin menyertai Program Gotong-royong untuk membantu penduduk kampung memperbaiki jambatan yang rosak. Namun begitu, pada hari yang sama, kamu dijemput menghadiri jamuan di rumah saudara.

Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang patut kamu lakukan?

[5 markah]

Bahagian C
[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan cara-cara menjaga keselamatan di jalan raya. Tuliskan pendapat kamu tentang cara-cara menjaga keselamatan di jalan raya.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawaban kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.**

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Hari Sukan Tahunan



1. Tuliskan cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2. Tuliskan catatan berdasarkan gambar di atas.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.